

Analisis Isu-isu Semasa Pada Tahun 1966 dan 1967 Melalui Karya Kartunis ‘Mingo’

ADDLEY BROMEO BIN BIANUS ¹
IMELDA ANN BINTI ACHIN ²

Sekolah Pengajian Seni, Universiti Malaysia Sabah, Jalan UMS, 88400 Kota Kinabalu, Sabah

¹elda_ann@yahoo.com, ²addley_jinggo@gmail.com

Abstrak Kajian ini bertujuan menganalisis isu semasa melalui karya kartunis George Chin atau lebih sinonim dengan gelaran ‘Mingo’. Ia berfokus pada karya kartun George Chin dari tahun 1966 hingga 1967. Kajian ini menggunakan pendekatan atau teori Metafora Visual dalam mengklasifikasi serta mengenal pasti isu semasa dalam kartun editorial Mingo. Selain daripada sesi temu bual dengan kartunis Datuk George Chin sendiri, maklumat berkaitan dengan kartun-kartunnya didapati melalui pengumpulan data dari Arkib Negeri Sabah. Hasil kajian ini mendapati bahawa idea dan lukisan George Chin yang cukup padu dan bertenaga mampu mencerminkan pandangan beliau serta masyarakat terhadap sesuatu isu. Kartun editorial bukan sahaja bertindak sebagai kritikan dan sindiran terhadap sesuatu isu, tetapi secara tidak langsung memberi kesedaran kepada masyarakat setempat agar berusaha untuk mengikis sikap pasif dalam kalangan masyarakat. Di samping itu, kartun editorial mampu menjadi saluran perantara antara masyarakat dan pemerintah dalam menyampaikan buah fikiran mereka secara berkias melalui karya dua dimensinya.

Kata Kunci: Kartun editorial, isu-isu semasa, Metafora Visual, kartunis ‘Mingo,’ Sabah

***Abstract** This study aims to analyse current issues through the works of cartoonist George Chin or more synonymous as ‘Mingo’ that were published in the local dailies from 1966–1967. This study uses the approach of the theory of Visual Metaphor in classifying and identifying current issues in Mingo’s editorial cartoons. Aside from interviews with Datuk George Chin himself, the rest of the information in regards to the cartoons were obtained from the Sabah Archives collections. The study found that George Chin’s ideas that are cohesive and energised sufficiently reflect his and*

the community's point of views on issues. Editorial cartoons not only acts as a criticism and satire of issues, but indirectly bring awareness to local communities that seek to erode the passive attitude in the community. In addition, the editorial cartoon could be a mediator between society and government in communicating their ideas through the works of two allegorical dimensions.

Keywords: *Editorial cartoons, current issues, Visual Metaphor, cartoonist 'Mingo', Sabah*

PENGENALAN

Perkembangan kartun di Sabah bermula pada akhir tahun 50-an, seiring dengan penerbitan media cetak di Sabah. Hal ini telah mempengaruhi pertumbuhan kartunis karikatur di Sabah. Pada mulanya, kartunis menghasilkan kartun dalam media cetak yang bertujuan sebagai tajuk rencana dalam bentuk visual (Muliyadi Mahamood, 2004: 1). Oleh kerana sifatnya yang mengandungi komen dan sindiran terhadap sesuatu peristiwa dan berita, pengkhususan terhadap kartun dalam media cetak dibuat dan telah menggunakan istilah 'kartun editorial' (Low, 1935: 40).

Selain menjadi penyaji humor, kartun editorial didefinisikan fungsinya sama dengan kartun politik (Horn, 1976: Hoff, 1976). Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kajian yang mendefinisikan kartun editorial sebagai suatu ilusi terhadap isu politik dan idea sosial yang dilakarkan dalam bentuk karikatur (Low, 1935: 40). Menurut Pointon (1994: 1), seperti juga bentuk visual komunikasi yang lain, kartun editorial berhubung kait dengan kehidupan dan persekitaran sekarang dan masa lampau. Pernyataan tersebut disokong oleh pernyataan Muliyadi Mahamood (2004: 4) yang menyatakan bahawa kartun editorial merupakan satu bentuk atau gabungan seni visual dan komunikasi. Hubungan antara kartun editorial dengan masyarakat tidak dapat dinafikan kerana subjek utama kartun editorial mengandungi isu sosial politik dalam bentuk sindiran dan kritikan. Kartun editorial biasanya mengandungi pendapat dan kritikal komen (Riffe *et al.*, 1985: 378). Berdasarkan kajian terdahulu, salah satu fungsi kartun editorial adalah untuk menyentuh isu semasa yang diolah dalam lakaran satu bingkai.


Kajian ini membincangkan penerbitan karya George Chin¹ atau lebih dikenali sebagai 'Mingo' pada tahun 1966 dan 1967. Tahun ini dipilih kerana Sabah melalui peringkat kemerdekaan pada tahun 1963 dan melalui pelbagai proses dan peringkat pembaharuan dalam pembangunan Sabah sekitar tahun 1966 dan 1967. Hasil kajian ini mampu mengetahui jumlah karya George Chin dan bilangan karya beliau yang melibatkan pembangunan negeri Sabah.

KEPENTINGAN KAJIAN

Karya kartun adalah berbeza dengan gambar kerana kartun mementingkan idea dan bersifat unik. Karya kartun selalunya berhubung rapat dengan pelbagai disiplin seperti sosiologi, politik, komunikasi, sastera dan sejarah. Tujuannya adalah untuk menyampaikan maklumat mengenai sejarah, politik, ekonomi, budaya, kemasyarakatan dan pendidikan yang menjadi fokus utama pada masa tersebut (Cutchneon, 1950: 3). Berbanding hanya sekadar gambar, kartun editorial yang telah dihasilkan oleh George Chin juga mengupas isu-isu terbabit di negeri Sabah dalam tempoh kajian. Kajian ini diharap mampu menjadi bahan rujukan untuk kajian tentang pembangunan dan sejarah negeri Sabah.

METODOLOGI KAJIAN

Kaedah kualitatif digunakan dalam menjalankan penyelidikan ini. Penyelidikan kualitatif bagi kajian ini tidak tertumpu ke arah pengutipan maklumat yang banyak. Sebaliknya, kaedah ini berusaha untuk memperoleh maklumat berkualiti dengan memberikan tumpuan terhadap sampel yang kecil (Azizi Yahaya, 2006: 102). Kajian ini juga lebih menjurus ke arah penghuraian, deskriptif, nota pandangan, catatan verbal, temu bual dan maklumat daripada bahan dokumentasi. Melalui kaedah kualitatif, pengkaji mampu menganalisis kartun editorial secara deskriptif.



RAJAH 1 Carta alir penyelidikan.

PENGUMPULAN DATA

Kaedah Primer

Bagi memahami lebih lanjut tentang kartun editorial, pengkaji telah membuat beberapa siri temu bual dengan kartunis George Chin. Temu bual berstruktur dilakukan bagi berinteraksi terus serta mendapatkan maklumat secara langsung dan lebih mendalam berhubung perkembangan kartun editorial serta perkaitan antara kartun editorial George Chin dengan isu sosial politik Sabah yang berlaku pada tahun 1966 dan 1967.

Kaedah Sekunder

Bahan bercetak yang diperoleh oleh pengkaji di Arkib Negeri Sabah, terutamanya keratan-keratan akhbar yang diperoleh dari akhbar *The Sabah*

Times (kini dikenali sebagai *The New Sabah Times*), banyak membantu dalam mengumpul data seperti kartun editorial George Chin dan isu yang berlaku pada tahun 1966 dan 1967.

ANALISIS DATA

Pengklasifikasian


Dalam menganalisis kartun, pengklasifikasian kartun editorial George Chin dilakukan mengikut isu yang diutarakan dalam kartun editorial. Kartun editorial tersebut diklasifikasikan dan dianalisis mengikut isu sosial, politik, ekonomi dan isu luar Sabah. Melalui pengklasifikasian tersebut, secara tidak langsung mampu menganalisis karya kartun dengan isu semasa serta mampu mengenal pasti isu-isu politik negeri Sabah.



Sumber: *The Sabah Times*, 6 September 1966.

RAJAH 2 Kartun editorial karya George Chin yang mengutarakan isu politik di Sabah.

Sebagai contoh pada Rajah 2, kartun editorial tersebut diklasifikasikan sebagai mengutarakan isu politik. Pengklasifikasian tersebut dilakukan oleh pengkaji melalui beberapa peringkat, iaitu:



RAJAH 3 Instrumen yang digunakan dalam mengklasifikasi dan menganalisis kartun editorial terpilih.

Setelah bahan kartun diperoleh, analisis kandungan menggunakan teori Metafora Visual digunakan bagi menganalisis kandungan dan perlambangan yang terdapat dalam kartun editorial. Setelah itu, pembuktian dilakukan berdasarkan rujukan bahan penyelidikan dan akhbar tempatan.

Analisis Kandungan

Kaedah analisis kandungan merupakan satu-satunya kaedah yang paling sesuai digunakan untuk menilai kandungan dan arah aliran sesuatu perkara dalam media massa (Berelson, 1952; Deacon, 1999; Hansen, 1998). Analisis kandungan dapat digunakan dalam menganalisis paparan visual untuk melihat ikon yang tersirat dalam kartun editorial. Analisis kandungan digunakan untuk menganalisis dan membuat satu pendedahan secara terperinci kepada perlambangan yang didapati dalam kartun editorial untuk mendapatkan maklumat yang boleh menjelaskan tentang makna bagi sesuatu perlambangan yang digunakan. Feldman (1967: 634) telah menggariskan satu kaedah yang disebut *The Critical Performance*. Kaedah ini mengelaskan pemerhatian imej kepada empat peringkat atau tahap, iaitu peringkat deskripsi, peringkat analisis formal, peringkat interpretasi dan peringkat hipotesis. Bagi mendedahkan kepada satu analisis kandungan yang sistematik terhadap kartun editorial, pengkaji melakukan analisis kandungan melalui peringkat yang berikut.

Peringkat Deskripsi

Peringkat ini adalah satu tahap menghimpunkan maklumat hasil daripada dapatan kartun editorial. Peringkat ini tidak dapat membuat sebarang analisis mendalam atau interpretasi pada sesuatu kartun editorial, tetapi hanya menghuraikan dan menerangkan imej asas yang terdapat dalam kartun editorial karya George Chin seperti karikatur, binatang atau objek.

Peringkat Analisis Formal

Peringkat ini adalah satu tahap menghadkan pemerhatian kepada elemen formal yang terdapat di permukaan sahaja. Peringkat analisis formal juga merupakan satu tahap iaitu pengkaji membuat penilaian ke atas aspek fizikal seperti warna, bentuk, ruang, garisan dan jalinan, dan sejauh mana elemen formal ini berfungsi dalam sesebuah karya. Dalam kajian ini, pengkaji melakukan peringkat analisis formal hanya kepada unsur yang mendominasi kartun editorial tersebut bagi mengetahui sejauh mana elemen-elemen tersebut berinteraksi bagi mewujudkan suatu perlambangan pada kartun editorial George Chin.

Peringkat Interpretasi

Setelah membuat analisis formal, pengkaji membuat interpretasi terhadap kartun editorial tersebut. Peringkat ini adalah satu sintesis² dalam menghubungkan dan menggabungkan kepelbagaian unsur yang diperoleh sama ada daripada unsur rupa, unsur cerita atau unsur budaya untuk membuat satu rumusan yang simbolik. Pada peringkat ini, pengkaji akan mengkaji secara lebih mendalam terhadap sesebuah kartun editorial tersebut. Imej-imej yang disampaikan sebagai suatu simbol diperhatikan bagi membolehkan pengkaji membuat analisis dengan lebih terperinci. Beberapa persoalan mudah dijadikan panduan dalam mencari jawapan. Contohnya siapa, bagaimana dan apakah jawapan untuk mendapatkan analisis yang rasional terhadap sesebuah kartun editorial tersebut.

Peringkat Hipotesis

Sulaiman Masri (2005: 39) menyatakan bahawa hipotesis ialah pernyataan sementara tentang sesuatu yang kebolehpercayaan biasanya tidak diketahui. Tiada batasan tentang apa yang boleh dijadikan hipotesis. Namun, hipotesis

tidak semestinya benar. Kebenaran hipotesis yang dirumuskan oleh pengkaji biasanya kerap tidak diketahui. Penerimaan dan penolakan hipotesis bergantung kepada data yang dikumpul dan dianalisis. Hipotesis merupakan pernyataan sementara tentang beberapa perkara yang ingin diterima atau ditolak oleh pengkaji. Melalui peringkat hipotesis, pengkaji membuat andaian hasil daripada dapatan yang didapati pada peringkat interpretasi.

Teori Metafora Visual

Teori yang mampu mengupas dan menganalisis dapatan kartun editorial George Chin adalah teori Metafora Visual. Teori Metafora Visual digunakan melalui analisis kandungan bagi mengupas perlambangan yang terdapat dalam kartun editorial George Chin.

Metafora Visual adalah cara penyampaian suatu tanda yang secara literal sudah memiliki makna denotatif digunakan untuk sistem simbol lain sehingga muncul analogi antara keduanya. Melalui analogi tersebut, terjadi perluasan erti yang menimbulkan ‘makna baru’ pada topik tersebut. Metafora tanpa disedari sangat meluas digunakan dalam komunikasi, baik dalam sastera, naskhah agama, periklanan ataupun dalam pembicaraan sehari-hari. Kartun menggunakan bahasa tidak langsung berbeza dengan bahasa dalam berita, pidato dan gosip yang denotatif. Kartun editorial menggunakan metafora visual yang mana ia juga dikenali sebagai metafora *pictorial* yang dikemukakan secara visual berbanding dengan Metafora Verbal. Secara ringkasnya, Metafora Visual adalah perlambangan dalam kartun editorial dengan mengaitkannya dengan isu semasa yang berlaku pada tahun 1966 dan 1967 sama ada isu sosial, politik, ekonomi mahupun isu yang berlaku di luar Sabah.

Rujukan Bahan Penyelidikan dan Akhbar Tempatan

Setelah melakukan analisis berdasarkan teori Metafora Visual, pembuktian dilakukan melalui petikan-petikan akhbar, terutamanya akhbar *The Sabah Times* dan rujukan daripada buku. Pembuktian ini penting bagi meyakinkan dan menyokong pernyataan yang dibuat oleh pengkaji, terutamanya berkaitan dengan isu sosial politik yang berlaku pada tahun 1966 dan 1967.

SOROTAN KAJIAN

Kartun Editorial

Sebuah penyelidikan berkaitan kartun editorial di Malaysia telah dilakukan oleh Mulyadi Mahamood (2004: 15). Melalui penyelidikan beliau, perkembangan kartun editorial di Malaysia dikenal pasti berkembang pada tahun 1930-an. Perkembangan ini seiring dengan berkembangnya seni media cetak di seluruh tanah air seperti akhbar *Warta Ahad* dan *Warta Jenaka*. Surat khabar Melayu merupakan sumber maklumat, perantara pengetahuan dan penyelesaian terhadap masalah perkauman pada masa tersebut. Surat khabar pada masa itu juga lebih mengutamakan kemerdekaan negara dan membantu dalam perkembangan ekonomi dan politiknya. Kartunis menghasilkan karya-karya yang menarik dan mengesankan walaupun alatan yang digunakan adalah terhad dan sukar dicari. Kartun pada masa tersebut lebih bersifat sindiran dan seni hiburan. Masyarakat lebih mudah disindir ataupun ditegur melalui mata pena daripada sekadar kata-kata nasihat. Bermula daripada itu, maka dunia kartun di Malaysia telah berkembang secara pesat. Dengan cepat ia mendapat tempat di hati para pembaca. Sindiran yang tajam dan pedas dalam bentuk humor menjadikan sesebuah karya itu berkesan.

Penyelidikan berkaitan perkembangan kartun di Sabah turut dilakukan oleh Ismail Hj. Ibrahim (2005). Beliau menyatakan bahawa perkembangan seni kartun, karikatur dan komik di Sabah boleh dicatat berdasarkan penglibatan kartunis MY atau Mohd. Yaman Ahmad Mus. Hal ini dapat dilihat berdasarkan kartun dan komik yang dihasilkan pada beberapa penerbitan media cetak di Sabah dan Brunei pada akhir tahun 50-an. Perkembangan pesat media cetak di Sabah telah mempengaruhi pertambahan pelukis-pelukis karikatur, khususnya di Sabah. Perkembangan pesat media cetak sehingga hari ini telah melahirkan beberapa kartunis tempatan, antaranya Langkawit dan Kenon. Walau bagaimanapun, kajian tersebut merangkumi skop yang luas, iaitu berkaitan perkembangan seni kartun, komik dan karikatur di Sabah.

Secara ringkasnya, penyelidikan berkaitan kartun editorial, khususnya di Sabah, agak kurang. Jika ada pun penyelidikan berkaitan kartun di Sabah, ia disampaikan secara umum. Penyelidikan ini berbeza dengan penyelidikan-

penyelidikan yang telah dilakukan sebelumnya dan kajian ini berfokuskan kepada kartun editorial hasil karya George Chin. Melalui penyelidikan ini juga secara tidak langsung mampu mengupas isu yang berlaku sekitar tahun 1966 dan 1967 di negeri Sabah.

Metafora Visual

Metafora telah wujud sejak zaman Yunani dan hanya digunakan sebagai ayat penyampaian berkias dalam sesuatu pertuturan. Tanpa disadari, penggunaan metafora telah berkembang dalam kehidupan seharian seperti dalam ritual budaya, terutamanya kesenian, politik dan tidak dilupakan dalam bidang kartun (Jakobson, 1978: 142). Metafora menjadi sesuatu yang sudah sinonim dalam kehidupan seharian dan melalui penggunaannya yang penuh teka-teki maka ia dianggap lebih menarik berbanding dengan bahasa literal atau leksikal.

Umumnya, metafora didefinisikan sebagai pengalihan atau '*transfer*' dan juga kesamaan (Nöth, 1990: 128). Dalam metafora, pengalihan diistilahkan sebagai proses pemindahan dari suatu '*topic*' (peristiwa yang ingin diceritakan) menggunakan '*vehicle*' (kenderaan atau situasi baru yang digunakan untuk menceritakan peristiwa tersebut). Pengalihan situasi melalui metafora adalah bertujuan untuk mengangkat makna di sebalik '*topic*'. Dengan penggabungan dua makna dalam satu '*panel*', maka terjadinya perluasan makna yang akan membentuk makna atau erti yang baru. Pengalihan dalam metafora dapat dilihat melalui penggantian, manakala persamaan dilihat melalui analogi.³ Thwaites (1994: 45) turut menambah bahawa metafora adalah perbandingan antara tanda-tanda atau *signs*. Secara kasarnya, metafora merupakan satu pengalihan dari satu tanda ke tanda yang lain. Aristotle merupakan antara sarjana terawal yang memperkenalkan metafora ke mata dunia. Aristotle menyatakan bahawa metafora merupakan pemberian nama kepada sesuatu benda yang dimiliki oleh benda atau orang yang lain. Beliau melihat perkara ini sebagai sesuatu yang baru dan mampu memperkayakan lagi dunia makna yang biasa dilakukan oleh penyair. Penggunaan bahasa kiasan (*figurative language*) dianggap lebih menarik berbanding bahasa yang literal. Melalui penyelidikan terdahulu berkaitan metafora, dapat dijelaskan bahawa metafora merupakan perlambangan dalam setiap hasil karya yang dihasilkan. Metafora boleh didapati dalam kehidupan seharian dan dalam pelbagai bidang kajian.

Antara bidang kajian yang menggunakan Metafora Visual adalah dalam bidang kartun editorial (Jeffery & Katz, 1996: 89).

Sebuah penyelidikan berkaitan penggunaan Metafora Visual dalam kartun editorial dilakukan oleh Gombrich (1963: 102). Beliau menyatakan bahawa Metafora Visual digunakan kartunis sebagai senjata dalam menyampaikan sesebuah mesej atau kritikan. Penggunaan Metafora Visual dalam menganalisis sesebuah kartun editorial dijadikan sebagai suatu penyamaran bagi menyampaikan kritikan terhadap sesuatu topik. Gombrich turut menyatakan bahawa dalam menganalisis sesebuah kartun editorial, beberapa aspek harus ditekankan seperti aspek formalistik, ikonografi, imej haiwan, objek dan situasi, ciri utama pada sesebuah karektor dan penggunaan aspek bahasa verbal.

Priyanto (2004) turut menggunakan teori Metafora Visual dalam menganalisis kartun editorial. Dalam penyelidikan tersebut, beliau menyatakan bahawa kartun tidak menyampaikan sesuatu masalah atau mesej secara terus, sebaliknya melalui penggunaan perlambangan ataupun metafora agar makna yang tersirat di sebalik sebuah peristiwa dapat dihuraikan. Priyanto turut menyatakan bahawa Metafora Visual merupakan pengalihan sebuah simbol atau topik ke dalam sebuah situasi yang lain. Melalui pengalihan tersebut, berlakunya perluasan makna. Pernyataan tersebut menyokong pernyataan Fairington (2009:210).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Jumlah Keseluruhan Karya George Chin

Jumlah keseluruhan karya George Chin merujuk kepada jumlah keseluruhan kartun editorial yang dihasilkan George Chin pada tahun 1966 dan 1967. Pada tahun 1966, sebanyak 40 buah kartun editorial telah dihasilkan. Pada tahun 1967 pula, sebanyak 15 buah kartun editorial dihasilkan. Ia menjadikan jumlah keseluruhan kartun editorial yang dihasilkan adalah sebanyak 55 buah kartun editorial. Pengkaji mendapati kesemua kartun editorial yang dihasilkan oleh beliau hanya diterbitkan di akhbar tempatan *The Sabah Times*.

Kartun Editorial Mengikuti Isu

Jadual 1 menunjukkan jumlah kartun editorial mengikuti isu bagi tahun 1966 dan 1967. Bagi isu sosial, sebanyak 13 buah kartun editorial George Chin diterbitkan pada tahun 1966 berbanding dengan sebanyak tiga buah pada tahun 1967. Ia menjadikan jumlah kartun editorial bagi isu sosial sebanyak 16 buah. Bagi isu politik pula, sebanyak 17 buah kartun editorial diterbitkan pada tahun 1966 dan enam buah pada tahun 1967. Jumlah bilangan kartun editorial bagi kedua-dua tahun tersebut mengikuti isu politik adalah sebanyak 23 buah. Bagi isu ekonomi, sebanyak enam buah kartun editorial diterbitkan pada tahun 1966 dan lima buah lagi pada tahun 1967. Ia menjadikan jumlah penerbitan kartun editorial bagi isu ekonomi sebanyak 11 buah. Bagi isu luar Sabah, terdapat sebanyak lima buah kartun editorial George Chin diterbitkan, iaitu empat pada tahun 1966 dan satu pada tahun 1967. Jumlah keseluruhan kartun editorial adalah sebanyak 55 buah.

Kartun Editorial Mengikuti Kategori

Pengkaji mengklasifikasikan kartun editorial karya George Chin mengikut kategori isu iaitu isu sosial, isu politik, isu ekonomi dan isu luar Sabah.

Isu Sosial

Jadual 2 menunjukkan jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu sosial di negeri Sabah pada tahun 1966 dan 1967. Kartun editorial ini tidak menjurus kepada budaya, tetapi lebih kepada isu berkaitan pembangunan sosial dan pemodenan masyarakat di Sabah. Pembangunan yang dimaksudkan dalam kartun bukanlah tertumpu kepada politik dan ekonomi, tetapi pembangunan yang berkaitan dengan keperluan-keperluan asas dan kualiti kehidupan dalam masyarakat Sabah. Setelah dipecahkan mengikut kategori, terdapat tujuh kategori bagi isu pembangunan sosial yang terdapat dalam kartun editorial George Chin, iaitu kategori kemudahan, komunis, Singapura–Malaysia, konfrontasi Indonesia–Malaysia dan kategori berkaitan isu pemimpin. Isu kemudahan bagi isu pembangunan sosial adalah seperti kemudahan pos dan telekomunikasi serta jalan raya.

JADUAL 1 Jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu sosial di Sabah pada tahun 1966 dan 1967.

BIL.	KATEGORI ISU SOSIAL	JUMLAH
1.	ISU PEMBANGUNAN	
1.1	Kemudahan	3
1.2	Komunis	1
1.3	Singapura–Malaysia	1
1.4	Konfrontasi Indonesia– Malaysia	1
1.5	Pemimpin (Tun Mustapha bin Harun, Datuk Harris bin Mohd Salleh)	2
JUMLAH KESELURUHAN		8

BIL.	KATEGORI ISU SOSIAL	JUMLAH
2.	ISU PEMODENAN	
2.1	Pengaruh Barat	5
2.2	Persatuan Belia	2
2.3	Komunis	1
JUMLAH KESELURUHAN		8

Jadual 2 menunjukkan terdapat tiga buah kartun editorial bagi isu kemudahan. Bagi kategori komunis, ia mencatatkan jumlah sebanyak sebuah kartun editorial sahaja. Begitu juga dengan kategori Singapura–Malaysia dan kategori konfrontasi Indonesia–Malaysia yang masing-masing mencatatkan jumlah sebanyak sebuah kartun editorial sahaja. Kategori terakhir bagi isu pembangunan sosial adalah kategori pemimpin. Pemimpin yang dimaksudkan dalam kategori tersebut ialah Tun Mustapha dan Datuk Harris bin Mohd Salleh. Bagi kategori ini, jumlah kartun editorial adalah sebanyak dua buah kartun, iaitu satu kartun editorial berkaitan dengan Tun Mustapha dan satu lagi berkaitan dengan Datuk Harris bin Mohd. Salleh. Pada keseluruhannya, jumlah kartun editorial hasil karya George Chin mengikut kategori bagi isu sosial di Sabah pada tahun 1966 dan 1967 adalah sebanyak lapan buah.

Terdapat tiga kategori bagi isu pemodenan sosial, iaitu pengaruh Barat, persatuan belia dan komunis. Kategori pengaruh Barat mencatatkan jumlah kartun editorial terbanyak bagi isu pemodenan dengan jumlah sebanyak lima buah. Kategori berkaitan isu persatuan belia mencatatkan jumlah sebanyak dua buah kartun editorial. Isu persatuan belia termasuklah persatuan-persatuan belia seperti SKKS (*Sabah Kadazan Youth Association*), SANYA (*Sabah National Youth Associate*) dan SAYC (*Sabah Association of Youth Clubs*). Kategori komunis mencatatkan jumlah paling sedikit bagi isu pemodenan. Pada keseluruhannya, jumlah kartun editorial mengikut kategori bagi isu pemodenan sosial di Sabah pada tahun 1966 dan 1967 adalah sebanyak lapan buah.

Isu sosial digambarkan oleh George Chin melalui perlambangan seperti pewujudan elemen kontra. Elemen kontra pada pakaian digunakan bagi menggambarkan kemunduran masyarakat Sabah. Sebagai contoh, Rajah 4, George Chin menggabungkan masyarakat Sabah dan warga Singapura dalam satu bingkai lukisan. Perbezaan yang amat ketara di antara kedua-dua karikatur ditonjolkan, terutamanya dari aspek pemakaian. Keseluruhan situasi yang ditunjukkan, terutamanya penggunaan situasi tapak tamu digunakan dalam menyampaikan 'topic' isu pemisahan Singapura dari Malaysia. Ia merupakan perlambangan yang mudah dalam menggambarkan situasi Singapura dan Sabah yang jauh berbeza selepas pemisahan Singapura dari Malaysia pada tahun 1965. Pemisahan tersebut memberi sedikit banyak impak atau kesan terhadap penduduk di Sabah kerana Singapura, Sabah dan Sarawak digabungkan dengan Tanah Melayu untuk membentuk negara Malaysia.



Sumber: *The Sabah Times*, 26 Januari 1967.

RAJAH 4 Kartun editorial George Chin yang memaparkan isu sosial.

Selain itu, ciri-ciri utama pada karektor turut mampu diwujudkan dengan mengekalkan identiti masyarakat Sabah melalui perlambangan bagi menggambarkan penduduk kampung seperti wanita hanya berkemban, gambaran kanak-kanak tidak memakai pakaian dan penduduk kampung yang hanya berkaki ayam. George Chin turut menggambarkan masyarakat Sabah dengan penggunaan perlambangan seperti memakai cawat, menggunakan buluh sebagai tempat mengisi air *wakid* atau *sikutaan*.

Selepas kewujudan Persekutuan Malaysia pada tahun 1963, kemajuan yang dikecapi oleh Sabah sedikit banyak memberi impak kepada masyarakat Sabah. Masyarakat Sabah turut mengalami pemodenan sosial dengan melakukan penyesuaian diri dari sudut gaya hidup yang bertujuan memajukan diri seiring dengan peredaran masa. Hal ini dirakam oleh George Chin ke dalam karya kartun editorial beliau berdasarkan isu sosial di Sabah sekitar tahun 1966 dan 1967.

Menurut Abdul Samad Hadi (1986: 178), setiap usaha pembangunan di satu-satu negeri biasanya didahului dengan pembinaan dan penyediaan infrastruktur yang lengkap. Penyediaan infrastruktur membolehkan kegiatan perancangan pembangunan bagi meningkatkan kesejahteraan masyarakat negeri dilancarkan dengan rapi. Hal ini demikian kerana kewujudan infrastruktur memudahkan kerja-kerja pembangunan yang seterusnya. Sepanjang proses pembangunan dijalankan, terdapat pelbagai kekangan atau halangan utama yang dihadapi oleh pihak kerajaan seperti pengunduran pihak Australia dari Sabah (*The Sabah Times*, 3 Mei 1966, hlm.12). Hal ini secara tidak langsung telah membantutkan pembinaan jalan raya, terutamanya di kawasan pedalaman. Isu ini telah menarik perhatian George Chin untuk menghasilkan kartun editorial.

Di samping itu, masalah yang dihadapi dalam sektor Pos dan Telekomunikasi (P&T) turut menarik perhatian George Chin. Menurut Ongkili (1989:68), sistem perhubungan dan komunikasi pada tahun 1960-an banyak bergantung kepada kaedah telegram dan surat. Oleh itu, segala urusan yang penting menggunakan perkhidmatan telegram. Sikap sambil lewa dalam urusan penghantaran telegram menjadi faktor yang mampu menjejaskan pembangunan dari sudut komunikasi di Sabah pada tahun 1960-an. Dengan pembangunan yang dikecapi, terutamanya dari segi kemudahan infrastruktur, secara tidak langsung dapat menyatukan negeri Sabah secara

lebih menyeluruh dan dapat meningkatkan kesejahteraan masyarakat di Sabah (*The Sabah Times*, 3 November 1966). Isu-isu tersebut dirakam oleh George Chin melalui kartun editorial beliau. Menerusi pembangunan yang dinikmati oleh masyarakat Sabah, secara tidak langsung mampu meningkatkan mutu kehidupan rakyat negeri Sabah, khususnya masyarakat di luar bandar.

Isu berkaitan konfrontasi Indonesia–Malaysia merupakan antara isu yang hangat diperkatakan pada tahun 1966. Menurut Abdullah Hussain (1976:80), pembentukan Malaysia telah ditentang hebat oleh Presiden Sukarno yang disokong kuat oleh Partai Komunis Indonesia. Satu persidangan tiga serangkai antara Macapagal, Sukarno dan Tunku Abdul Rahman telah diadakan di Manila pada 31 Julai 1963. Daripada persidangan tersebut, mereka telah mengambil keputusan untuk menghantar surat rayuan kepada U Thant, Setiausaha Agung Bangsa-Bangsa Bersatu agar beliau atau wakilnya menjalankan suatu penyelidikan untuk mengetahui aspirasi rakyat di Sabah, Sarawak dan Brunei tentang gagasan Malaysia. Isu berkaitan pungutan suara bagi masyarakat Borneo menarik perhatian George Chin dan telah dirakamkan oleh beliau melalui kartun editorial beliau.

Hasil penyelidikan pada 14 September 1966, U Thant mengumumkan bahawa ramai rakyat Sabah telah memilih untuk bergabung dengan Malaysia. Walaupun keputusan pungutan suara telah diperolehi, pihak komunis masih berusaha memasuki negeri Sabah (*The Sabah Times*, 22 November 1966). Isu tersebut telah mempengaruhi George Chin dalam menghasilkan kartun editorial beliau. Berdasarkan pernyataan tersebut, pengkaji mendapati bahawa pembangunan yang berlaku di Sabah telah mempengaruhi kehidupan dan sosial masyarakat di Sabah.

Bagi isu pemodenan, kategori berkaitan isu pengaruh Barat merupakan isu yang paling banyak diketengahkan dalam karya kartun editorial George Chin. Hal ini demikian kerana dengan kemerdekaan yang dikecapi oleh masyarakat Sabah secara tidak langsung masyarakat berusaha melakukan penyesuaian diri seperti mengikuti perkembangan semasa, contohnya daripada sumber media massa seperti media cetak dan televisyen (Ahmad Syukri Mohd. Nain, 2003: 28). Isu berkaitan pemodenan dari segi gaya hidup memberi banyak kesan kepada masyarakat Sabah. Persaingan mengejar kemodenan digambarkan sebagai hanya memberikan kesan negatif, terutamanya kepada golongan remaja. George Chin turut menggambarkan sikap sambil lewa masyarakat Sabah terhadap isu tersebut.

Isu Politik

Jadual 2 menunjukkan jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu politik di Sabah pada tahun 1966 dan 1967. Setelah dipecahkan mengikut kategori, terdapat lima kategori bagi isu sosial dalam kartun editorial George Chin, iaitu Singapura–Malaysia, pemimpin, pilihan raya dan nasihat. Kategori pemimpin merupakan isu yang paling banyak dibincangkan iaitu sebanyak 10 buah kartun editorial. Pemimpin yang dimaksudkan dalam kategori ini ialah Tun Fuad Stephens, Tun Mustapha, Datuk Peter Mojuntin dan Datuk Harris bin Mohd. Salleh.

Kategori pilihan raya mencatatkan jumlah sebanyak lapan buah kartun editorial, manakala kategori Singapura–Malaysia dan nasihat mencatatkan jumlah yang sama, iaitu masing-masing sebanyak dua buah kartun editorial. Kategori yang mencatatkan jumlah paling sedikit adalah kategori persaingan politik. Jumlah keseluruhan kartun editorial karya George Chin adalah sebanyak 23 buah. Beliau lebih cenderung menghasilkan karya kartun editorial yang berdasarkan kepada isu politik.

JADUAL 2 Jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu politik di Sabah pada tahun 1966 dan 1967.


BIL.	KATEGORI ISU POLITIK	JUMLAH
1.	Singapura–Malaysia	2
2.	Pemimpin (Tun Haji Mohd. Fuad Stephens, Datuk Peter Mojuntin, Tun Mustapha bin Harun, Datuk Harris bin Mohd. Salleh)	10
3.	Pilihan raya	8
4.	Nasihat	2
5.	Persaingan Politik	1
JUMLAH KESELURUHAN		23

Perkembangan politik di Sabah semakin rancak selepas pengumuman pembentukan Malaysia. Pengumuman ini telah menjadi landasan kepada perkembangan politik di Sabah dan seterusnya memperjuangkan kemerdekaan sendiri dan kemerdekaan kepada Sabah (Ongkili, 1989: 61). Kewujudan kesedaran politik telah menyebabkan munculnya beberapa parti politik di Sabah. Parti-parti politik telah ditubuhkan untuk memperjuangkan

kepentingan dan aspirasi etnik yang mewakili kaum masing-masing. Secara tidak langsung, masyarakat turut didedahkan dengan kepentingan politik dalam menggerakkan negeri Sabah seiring dengan negeri membangun yang lain. Selain itu, pengumuman pilihan raya turut merencanakan lagi isu politik di Sabah pada tahun 1966 dan 1967.

Isu politik di Sabah digambarkan oleh George Chin melalui perlambangan atau penggunaan karikatur, terutamanya Tun Mustapha dan Dato' Donald Stephens (dikenali sebagai Tun Fuad Stephens selepas memegang jawatan Yang Di-Pertua Negara). Olahan garisan-garisan ringkas mampu menghasilkan perincian terhadap sesebuah karikatur. Sebagai contoh, perincian ciri-ciri utama pada karikatur yang telah diringkaskan seperti garisan melengkung bagi menggambarkan pipi cengkung serta badan yang kurus dilambangkan sebagai Tun Mustapha, manakala Dato' Donald Stephens pula dilambangkan dengan perincian ciri-ciri utama pada karikatur seperti berbadan besar. Penggunaan karikatur kedua-dua tokoh atau ahli politik tersebut banyak digunakan dalam kartun editorial George Chin sebagai gambaran terhadap parti politik USNO (*United Sabah National Organization*) dan UNKO (*United National Kadazan Organization*). Garisan luar atau '*outline drawing*' yang tebal digunakan bagi menimbulkan kesan ruang pada kartun editorial.

Ciri-ciri seperti saiz turut memainkan peranan penting dalam perlambangan kartun editorial, terutamanya berkaitan isu politik. Perbezaan atau elemen kontra pada saiz menggambarkan kuasa pada pemimpin. Selain perincian ciri utama pada karektor, antara ciri-ciri yang terdapat dalam kartun editorial ialah pengemukaan benda atau sesuatu yang abstrak sebagai mempunyai sifat-sifat manusia. Sebagai contoh, dalam Rajah 5, Dato' Donald Stephens digambarkan sebagai bungkusan surat. George Chin menggunakan keseluruhan situasi sebagai menyatakan perasaan simpati terhadap pengunduran beliau dalam dunia politik. Ia dapat dilihat berdasarkan perlambangan Tun Fuad Stephens yang digambarkan sebagai bungkusan surat yang dihantar ke Australia. Keseluruhan situasi pada rajah digunakan sebagai '*vehicle*' bagi '*topic*' yang menunjukkan berakhirnya pemerintahan Dato' Donald Stephens di Sabah. Kenyataan tersebut turut disokong oleh pernyataan Dato' Donald Stephens di akhbar *The Sabah Times* (2 November 1967:2).



Sumber: *The Sabah Times*, 2 November 1967.

RAJAH 5 Kartun editorial George Chin yang memaparkan isu politik.

George Chin melakarkan isu-isu politik yang berlaku sekitar tahun 1966 dan 1967 melalui kartun editorial yang lebih berkisar kepada kategori berkaitan isu pilihan raya dan isu pemimpin. Tahun 1963 hingga tahun 1967 merupakan era pemerintahan Kerajaan Perikatan di Sabah. Ongkili (1989:67) menyatakan bahawa Kerajaan Perikatan Sabah dianggotai oleh parti politik seperti UNKO (*United National Kadazan Organization*), USNO (*United Sabah National Organization*), SCA (*Sabah Chinese Association*) dan SIC (*Sabah Indian Congress*). Pilihan raya pertama di Sabah yang diadakan pada tahun 1967 merupakan pilihan raya yang paling sengit. Ia berikutan daripada keputusan UPKO untuk bertanding atas tiketnya sendiri meskipun parti itu masih kekal dalam Perikatan (Dzulkifli Dato' Abdul Hamid, 1986:245).

Seiring dengan isu pilihan raya yang hangat didebatkan, secara tidak langsung isu berkaitan pemimpin seperti Tun Mustapha, Dato' Donald Stephens, Datuk Harris bin Mohd. Salleh dan Datuk Peter Mojuntin turut diketengahkan dalam kartun editorial George Chin. Isu berkaitan kedua-dua pemimpin, iaitu Tun Mustapha dan Dato' Donald Stephens atau Tun Fuad Stephens lebih banyak diutarakan oleh George Chin. Hal ini demikian kerana Tun Mustapha merupakan pemimpin USNO, manakala Tun Fuad Stephens merupakan pemimpin UPKO. Kedua-dua parti tersebut mempunyai

pengaruh yang besar dalam dunia politik di Sabah. Selain itu, isu berkaitan Tun Mustapha banyak diketengahkan oleh George Chin disebabkan oleh semangat kemelayuan dan keislamannya yang begitu menonjol. Hal ini menyebabkan beliau dicurigai oleh golongan bumiputera bukan Islam dan golongan etnik yang lain. Hubungan antara Tun Mustapha dan Dato' Donald Stephens tersebut telah mendorong George Chin untuk menghasilkan kartun editorial berkaitan kedua-dua pemimpin tersebut.

Isu berkaitan Kerajaan Persekutuan turut diutarakan oleh George Chin dalam kartun editorial beliau. Kerajaan Persekutuan mengawal keseluruhan proses pembangunan dan politik di Borneo. Pemimpin di Sabah berharap agar mereka diberi kepercayaan bagi memimpin negeri Sabah tanpa perlu campur tangan pihak Kerajaan Persekutuan (Larson, 1976: 34). Perasaan tidak puas hati pemimpin digambarkan oleh George Chin dalam kartun editorial beliau. Kartun editorial tersebut dihasilkan dengan penggunaan linear yang mudah tetapi masih mampu mencerminkan situasi politik pada masa itu.

Perkembangan politik di Sabah berlaku begitu rancak sekali selepas gagasan Malaysia ditubuhkan. Sebelum gagasan Malaysia diumumkan, tidak wujud parti politik yang lebih radikal, tetapi pengumuman gagasan Malaysia ini telah dijadikan landasan kepada pemimpin dan rakyat tentang pentingnya satu kesatuan politik yang dapat dijadikan wadah atau alat untuk memperjuangkan hak rakyat dan memberi kemerdekaan kepada negeri Sabah.

Isu Ekonomi

Jadual 4 menunjukkan jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu ekonomi pada tahun 1966 dan 1967. Hanya terdapat dua kategori bagi isu ekonomi pada tahun 1966 dan 1967, iaitu kategori cukai dan kenaikan harga barang. Kategori berkaitan isu cukai mencatatkan jumlah sebanyak 10 buah kartun editorial, manakala kategori kenaikan harga barang hanya mencatatkan jumlah sebanyak sebuah kartun editorial sahaja. Jumlah keseluruhan kartun editorial mengikut kategori bagi isu ekonomi pada tahun 1966 dan 1967 adalah sebanyak 11 buah kartun editorial.

Sebagaimana pentingnya perhatian terhadap aspek sosial dan politik, sektor ekonomi turut memainkan peranan dalam pembangunan

Sabah. Menurut Gudgeon (1981: 245), sebelum pembentukan Persekutuan Malaysia, dasar ekonomi yang dilaksanakan semasa penjajahan British di Sabah adalah untuk menjaga kepentingan mereka sendiri. Keadaan ini mewujudkan ketidakseimbangan ekonomi antara bandar dengan luar bandar. Kepentingan utama Sabah adalah memelihara dan mengawal sumber tanah dan hutan kerana ia adalah sumber pendapatan terpenting bagi negeri Sabah, terutamanya sumber kayu balak yang menjadi sumber eksport paling bernilai bagi negeri Sabah yang mencecah RM185.4 juta pada tahun 1965.

JADUAL 3 Jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu ekonomi di Sabah pada tahun 1966 dan 1967.

BIL.	KATEGORI ISU EKONOMI	JUMLAH
1.	Cukai	10
2.	Kenaikan Harga Barang	1
JUMLAH KESELURUHAN		11

Isu ekonomi di Sabah digambarkan oleh George Chin melalui perlambangan atau pemindahan sesuatu objek. Sebagai contoh, dalam Rajah 6, George Chin menggunakan pemindahan imej haiwan seperti ular bagi menggambarkan cukai bersatu dan ciri utama sesebuah karektor ditonjolkan pada karikatur Tan Siew Sin yang digambarkan sebagai seorang penarik ular. Pemindahan dari satu situasi ke satu situasi yang lain, iaitu isu ekonomi di Sabah disampaikan dengan menggunakan keadaan yang berlaku pada zaman 'Ali Baba'. Ular kelihatan ingin menelan lelaki yang membelakang atas arahan peniup seruling. Ciri-ciri atau metafora yang digunakan pada keseluruhan rajah berfungsi menunjukkan cukai bersatu yang diumumkan oleh Tun Tan Siew Sin, Menteri Kewangan Malaysia (1959–1974). Walaupun pada mata kasarnya ia merupakan sesuatu perkara yang baik dalam pembangunan negara, ia akan memberi kesan negatif kepada negeri Sabah, terutamanya tentang kenaikan cukai kayu balak. Hal ini demikian kerana kayu balak merupakan sumber utama negeri ini. Keseluruhan situasi digunakan sebagai '*vehicle*', dalam menyampaikan '*topic*' kenaikan cukai.



Sumber: *The Sabah Times*, 27 Ogos 1966.

RAJAH 6 Kartun editorial George Chin yang memaparkan isu ekonomi.

Pada tahun 1966, Tun Tan Siew Sin telah mengumumkan kenaikan cukai semasa pembentangan belanjawan. Pengumuman kenaikan cukai oleh Menteri Kewangan Malaysia pada waktu itu telah mengundang bantahan dari pelbagai pihak. Masyarakat berpendapat ia hanya akan membantutkan pertumbuhan ekonomi, khususnya di Sabah. Kenaikan cukai, khususnya cukai kayu balak secara mendadak mampu memberi kesan, khususnya kepada pertumbuhan ekonomi negeri Sabah. Para peniaga turut tidak bersetuju dengan cukai perolehan kapital yang dibuat oleh Tun Tan Siew Sin. George Chin merakam isu tersebut dengan menggunakan kartun editorial sebagai gambaran terhadap pandangan masyarakat Sabah tentang isu cukai yang telah diumumkan oleh Tun Tan Siew Sin pada tahun 1966.

Isu Luar Sabah

Jadual 4 menunjukkan jumlah kartun editorial George Chin bagi isu luar negeri Sabah pada tahun 1966 dan 1967. Hanya terdapat satu kategori bagi isu luar negeri Sabah, iaitu kategori pemimpin. Kategori pemimpin bagi isu luar Sabah lebih berkisar kepada isu politik di negeri Sarawak

dan negara seberang, iaitu Indonesia. Pemimpin yang dimaksudkan bagi kategori pemimpin ialah Dato' Stephen Kalong Ningkan, iaitu Ketua Menteri Sarawak pada tahun 1966 dan Presiden Sukarno, iaitu Presiden Indonesia pada tahun 1966. Jumlah kartun editorial bagi kategori pemimpin adalah sebanyak lima buah kartun, iaitu 100 peratus jumlah keseluruhan kartun editorial bagi isu tersebut bagi tahun 1966 dan 1967.

JADUAL 4 Jumlah kartun editorial karya George Chin mengikut kategori bagi isu luar Sabah pada tahun 1966 dan 1967.

BIL.	KATEGORI ISU LUAR SABAH	JUMLAH
1.	Pemimpin (Dato' Stephen Kalong Ningkan, (Presiden Sukarno)	5
JUMLAH KESELURUHAN		5

Isu luar Sabah banyak digambarkan oleh George Chin melalui perincian ciri-ciri utama pada karikatur yang diringkaskan. Sebagai contoh, dalam Rajah 7, karikatur lelaki yang dilakarkan mempunyai pipi yang bulat dan memakai kaca mata merupakan karikatur mewakili Tunku Abdul Rahman. Lelaki kedua yang dilakar melalui perincian ciri-ciri utama pada karikatur seperti pipi yang cengkung, berbadan kurus serta dahi yang lebar merupakan karikatur Penghulu Tawi Sli, manakala lelaki ketiga dilakarkan melalui perincian ciri-ciri utama seperti memakai kaca mata serta bibir yang tebal merupakan karikatur Dato' Stephen Kalong Ningkan. Penggunaan aspek verbal dalam bentuk perbualan seperti label nama SLI dan NINGKAN turut membantu pembaca dalam mengenal pasti perlambangan karikatur yang digunakan. Saiz karikatur Tunku Abdul Rahman yang dilakar sebagai bersaiz besar menunjukkan kekuasaan beliau. George Chin menggunakan keseluruhan situasi pada kartun editorial tersebut sebagai '*vehicle*' bagi menyampaikan '*topic*' isu berkaitan pengunduran Dato' Stephen Kalong Ningkan dari jawatan sebagai Ketua Menteri Sarawak. Pengolahan imejan dan teks yang bersahaja mampu menghasilkan sebuah kartun yang ringkas, tetapi padat dengan mesej yang disampaikan.



Sumber: *The Sabah Times*, 17 Jun 1966.

RAJAH 7 Kartun editorial George Chin yang memaparkan isu politik Sarawak.

Isu politik di Sarawak sering menjadi tajuk utama dalam akhbar tempatan, terutamanya akhbar *The Sabah Times*. Selepas Singapura keluar dari Malaysia pada tahun 1965, Ketua Menteri Sarawak pertama, Dato' Stephen Kalong Ningkan memberi kenyataan bahawa Sarawak mungkin akan bergabung dengan Singapura. Hal ini merunsingkan Perdana Menteri, Tunku Abdul Rahman. Beliau berusaha agar Dato' Ningkan dilucut daripada jawatannya. Setelah Dato' Stephen Kalong Ningkan dilucutkan daripada jawatannya, jawatan tersebut disandang oleh Penghulu Tawi Sli. Dato' Stephen Kalong Ningkan berusaha menjatuhkan Penghulu Tawi Sli selepas usaha beliau mempertahankan jawatan beliau gagal (Larson, 1976: 37). Pergolakan isu politik di Sarawak tersebut telah menarik perhatian George Chin dalam menghasilkan kartun editorial, terutamanya isu berkaitan Dato' Stephen Kalong Ningkan.

Isu politik di Indonesia turut menarik minat George Chin dalam menghasilkan kartun editorial berdasarkan isu negara jiran tersebut. Hal ini disebabkan oleh konfrontasi yang berlaku di antara Indonesia dan Malaysia (Dzulkiifi Dato' Abdul Hamid, 1986: 246) menyatakan bahawa

selepas Sabah bersetuju menyertai Malaysia dan seterusnya mencapai kemerdekaan melalui Malaysia pada 16 September 1963, Presiden Sukarno melancarkan konfrontasi dan peristiwa ini banyak menimbulkan kekacauan dalam negeri. Isu Sabah masih menghantui kemesraan hubungan kedua-dua negara. Kerajaan Indonesia di bawah pimpinan Presiden Sukarno masih lagi tidak mahu menggugurkan tuntutan ke atas Sabah. Republik Indonesia menuntut Kepulauan Borneo dan meminta agar masyarakat Borneo mengadakan pungutan suara bagi menentukan sama ada masyarakat Borneo ingin terus kekal dalam Malaysia atau sebaliknya. Hubungan antara Sabah, Sarawak dan Indonesia seperti yang dihuraikan, telah menarik perhatian George Chin untuk menghasilkan kartun editorial berkaitan isu politik di negeri Sarawak dan Indonesia.

KESIMPULAN

Pada keseluruhannya, karya George Chin yang dihasilkan pada tahun 1966 hingga tahun 1967 memperagakan pelbagai tema dan subjek yang disulami dengan warna humor. Namun, di sebalik humor yang terdapat pada kartun editorial beliau, secara tidak langsung George Chin melukis kepincangan dalam masyarakat dan politik melalui sindiran dan kritikan yang berkias tetapi pedas. George Chin banyak menyentuh berkaitan isu semasa yang diolah ke dalam karya berbentuk dua dimensi. Ia dirakam dengan sangat bersahaja, tetapi amat berkesan. Idea dan lukisan George Chin yang cukup padu dan bertenaga mampu mencerminkan pandangan beliau serta masyarakat terhadap sesuatu isu. Kartun editorial beliau bertindak memberi kesedaran kepada masyarakat setempat agar berusaha mengikis sikap pasif dalam kalangan masyarakat di samping menjadi saluran perantara di antara masyarakat dengan pemerintah dalam menyampaikan buah fikiran mereka secara berkias melalui karya dua dimensinya. Sehubungan dengan itu, kajian ini membuktikan bahawa kartun editorial mampu dan boleh dijadikan bahan sejarah yang berharga kerana setiap isu yang dipaparkan dalam kartun editorial mampu mengupas isu semasa pada masa tersebut. Secara tidak langsung, generasi muda dan para sejarawan boleh menggunakan bahan kajian tersebut sebagai rujukan serta panduan dalam memahami perkembangan isu semasa. Sifatnya yang ringkas dan mudah mampu menyampaikan sesuatu mesej dengan cepat dan tepat. Di samping unsur jenaka yang diselitkan dalam kartun editorial, karya beliau senang diterima oleh pelbagai golongan dan lapisan masyarakat.

NOTA

¹Tema dan subjek utama kartun George Chin banyak dipengaruhi oleh persoalan dan perkembangan sosiopolitik. Kecerdasan pemerhatian George Chin dalam menggambarkan situasi masyarakat dan perkembangan politik telah membawa pelbagai tanggapan termasuklah tanggapan positif dan negatif terhadap kartunnya. Kartun editorial beliau dianggap sebagai medium paling berkesan dalam menyampaikan mesej kepada masyarakat berkaitan dengan isu-isu sosiopolitik Sabah. George Chin merupakan antara kartunis terawal dan terkenal pada tahun 1960-an dan 1970-an (*The Borneo Post*, 11 Julai 2008).

²Le (2010:60) menyatakan bahawa sintesis ialah proses menggabungkan objek atau idea-idea untuk menjadi kesatuan yang lebih kompleks.

³Perbandingan antara dua perkara bagi menunjukkan persamaannya atau perbandingan.

RUJUKAN

- Abdul Hamid Mahmood. 2005. *Memartabatkan Warisan Pendeta Za'ba*. Perak: Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Abdul Samad Hadi. 1986. *Sabah perubahan dalam pembangunan*. Selangor: Karya Press Sdn Bhd.
- Abdullah Hussain. 1976. *Tun Mustapha, Bapa Kemerdekaan Sabah*. Kuala Lumpur: Syarikat Percetakan Suarasa.
- Ahmad Mahdzan Ayob. 1983. *Kaedah Penyelidikan Sosioekonomi: Suatu Pengenalan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Ahmad Syukri Mohd Nain. 2003. *Konsep, teori dan isu pembangunan*. Johor: Muapakat Jaya Percetakan Sdn Bhd.
- Akashah Ismail. 2008. *Fokus Sejarah*. Johor: Pelangi Publishing Group Bhd.
- Azizi Yahaya, Shahrin Hashim, Jamaludin Ramli, Yusof Boon & Abdul Rahim Hamdan. 2007. *Menguasai Penyelidikan dalam Pendidikan : Teori, Analisis dan Interpretasi Data*. Selangor: PTS Professional Publishing Sdn. Bhd.
- Berelson, B. 1952. *Content analysis in communication research*. Glencoe: Free Press.
- Cutchneon, John Mc. 1950. *Drawn from memory, autobiography containing many of the author's famous cartoons and sketches*. Indiana: Bobbs-Merrills Company.
- Deacon, David. 1999. *Researching communication*. London: Arnold.
- Dzulkifli Dato' Abdul Hamid. 1986. Integrasi politik dalam pembangunan. Seminar Kebangsaan Integrasi dan Pembangunan Sabah, Fakulti Sains Pembangunan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Fairington. Brian. 2009. *Drawing cartoons and comics for dummies*. Canada: Wiley Publication Inc.
- Feldman, Edmund Burke. 1967. *Art as Image and Idea*. New Jersey : Prentice Hall Inc.

- Gombrich, Ernst Hans. 1963. *A hobby horse and other essays on theory of art*. London: Phaidon Press.
- Gudgeon, Peter Spence. 1981. *Commemorative history of Sabah*. Kota Kinabalu: Nan Yang Muda Sdn Bhd.
- Hansen, Anders. 1998. *Mass communication research method*. London: MacMillan Press.
- Hoff, Syd. 1976. *Editorial and political cartooning*. New York: Stravon Educational Press.
- Ismail Hj. Ibrahim. 2005. *Sejarah perkembangan seni lukis Sabah*. Sabah: Penerbit Universiti Malaysia Sabah.
- Jabatan Penerangan Negeri Sabah. 2006. *Menjejaki Wawasan Pemimpin*. Kota Kinabalu: Syarikat Percetakan Sinar Jaya.
- Jakobson, Roman. 1978. *Six lectures on sound and meaning*. United Kingdom: Cambridge Press.
- Jeffery & Katz. 1996. *Metaphor: Implication and Application*. New Jersey: Lawrence Erlbaum Associates.
- Kitingan, Jeffrey G. & Ongkili Maximus J. 1989. *Sabah 25 Years Later, 1963 – 1988*. Kota Kinabalu: Institute of Development Studies.
- Larson, Bruce Ross. 1976. *The politics of federalism*. Singapore: Times Printers Sdn Bhd.
- Low, David. 1935. *Britain between the Wars*. Britain: University Cambridge Press.
- Muliyadi Mahamood. 1995. *Seni Lukis dalam Peristiwa*. Kuala Lumpur: Sasyaz Holdings Sdn. Bhd.
- Muliyadi Mahamood. 1995. *The History of Malay editorial cartoons, 1930s–1993*. Kuala Lumpur: Utusan Publications and Distributions Sdn Bhd.
- Nöth, W. 1990. *Handbook of semiotics*. Bloomington: Indiana University Press.
- Ongkili, J. P. 1967. *The Borneo Response to Malaysia 1961 – 1963*. Singapura: Donald More Press Ltd.
- Ongkili, J. P. 1972. *Modernization in East Malaysian, 1960 – 1971*. Kuala Lumpur: OUP.
- Ongkili, J. P. 1989. *Sabah 25 Years later, 1963–1988*, Kota Kinabalu: Art Printing Works Sdn Bhd.
- Pointon, Marcia. 1994. *History of art: A student's handbook* (3rd Ed). London: Routledge.
- Priyanto Sunarto. 2004. *Metafora visual dalam surat khabar Jakarta 1950–1957*. Jakarta: Institut Teknologi Bandung.
- Riffe, Sneed & Ommeren. 1985. *Behind the editorial page cartoon*. Columbia: University Columbia Press.
- Riffe, Sneed D. & Ommeran, R. L. V. 1985. *Deciding the Limits of Taste in Editorial Cartooning*.
- Sulaiman Masri. 2005. *Kaedah penyelidikan dan panduan penulisan: Esei, proposal dan tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publication.
- Thwaites. 1992. *Warisan Sabah: Pengenalan Ringkas Sejarah dan Warisan Sabah*. Kota Kinabalu: Jabatan Muzium Sabah.
- . 1994. *The Jesuit relations*. Toronto: University of Toronto.
- . 2003. *Tun Mustapha dan Pembangunan Sabah*. Kota Kinabalu: Yayasan Sabah.

Akhbar

The Sabah Times. 1966. 12 Mac
The Sabah Times. 1966. 15 Mac
The Sabah Times. 1966. 3 Mei
The Sabah Times. 1966. 12 Mei
The Sabah Times. 1966. 15 Jun
The Sabah Times. 1966. 17 Jun
The Sabah Times. 1966 26 Jun
The Sabah Times. 1966. 14 Julai
The Sabah Times. 1966. 6 Ogos
The Sabah Times. 1966. 19 Ogos
The Sabah Times. 1966. 20 Ogos
The Sabah Times. 1966. 23 Ogos
The Sabah Times. 1966. 26 Ogos
The Sabah Times. 1966. 25 Ogos
The Sabah Times. 1966. 27 Ogos
The Sabah Times. 1966. 1 September
The Sabah Times. 1966. 3 September
The Sabah Times. 1966. 6 September
The Sabah Times. 1966. 10 September
The Sabah Times. 1966. 13 September
The Sabah Times. 1966. 19 September
The Sabah Times. 1966. 18 September
The Sabah Times. 1966. 2 Oktober
The Sabah Times. 1966. 6 Oktober
The Sabah Times. 1966. 15 Oktober
The Sabah Times. 1966. 18 Oktober
The Sabah Times. 1966. 19 Oktober
The Sabah Times. 1966. 25 Oktober
The Sabah Times. 1966. 26 Oktober
The Sabah Times. 1966. 27 Oktober
The Sabah Times. 1966. 29 Oktober
The Sabah Times, 1966. 28 Oktober
The Sabah Times. 1966. 30 Oktober
The Sabah Times. 1966. 1 November
The Sabah Times. 1966. 3 November
The Sabah Times. 1966. 16 November
The Sabah Times. 1966. 17 Disember
The Sabah Times. 1966. 19 November
The Sabah Times. 1966. 20 November
The Sabah Times. 1966. 22 November

The Sabah Times. 1966. 23 November
The Sabah Times. 1966. 26 November
The Sabah Times. 1966. 27 November
The Sabah Times. 1966. 28 November
The Sabah Times. 1966. 29 November
The Sabah Times. 1966. 30 November
The Sabah Times. 1966. 3 Disember
The Sabah Times. 1966. 4 Disember
The Sabah Times. 1966. 5 Disember
The Sabah Times. 1966. 7 Disember
The Sabah Times. 1966. 8 Disember
The Sabah Times. 1966. 15 Disember
The Sabah Times. 1966. 17 Disember
The Sabah Times. 1966. 21 Disember
The Sabah Times. 1966. 24 November
The Sabah Times. 1966. 24 November
The Sabah Times. 1967. 23 Januari
The Sabah Times. 1967. 31 Januari
The Sabah Times. 1967. 8 Februari
The Sabah Times. 1967. 14 Februari
The Sabah Times. 1967. 6 Jun
The Sabah Times. 1967. 26 Jun
The Sabah Times. 1967. 10 Jun
The Sabah Times. 1967. 15 Julai
The Sabah Times. 1967. 20 Julai
The Sabah Times. 1967. 20 Julai
The Sabah Times. 1967. 26 Julai
The Sabah Times. 1967. 29 Julai
The Sabah Times. 1967. 2 November
The Sabah Times. 1967. 2 November
Kinabalu Times. 1966. 23 Oktober
The Strait Times. 1966. 17 Disember
The Sabah Times. 1968. 20 Februari
The Borneo Post. 2008. 11 Julai
Berita Harian. 1958. 13 Disember